

**Tune Hotel Klia2 dibuka Pada 9 Mei
Bernama
1 Mei, 2014**

KUALA LUMPUR, 1 Mei (Bernama) -- Selepas lima tahun menyediakan kemudahan mampu milik tetapi berkualiti tinggi kepada para pelanggan di Terminal Penerbangan Tambang Rendah (LCCT), Tune Hotel KLIA-LCCT akan ditutup mulai 9 Mei.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Tune Hotel Mark Lankester berkata penutupan ialah untuk memberi laluan kepada pembukaan Tune Hotel klia2 yang baharu dengan 400 bilik pada hari yang sama.

Beliau berkata Tune Hotel klia2 dihubungkan secara terus ke terminal klia2 menerusi laluan pejalan kaki dan jejantas penghubung.

"Kami amat teruja dengan hotel baharu ini. Bagi kami dan semua pelanggan, Tune Hotel klia2 baharu ini sememangnya amat ditunggu-tunggu sama seperti lapangan terbang klia2 itu sendiri.

"Ia dijangka menjadi yang terbesar dalam platform Tune Hotels dan akan menjadi hartanah utama kami," kata Lankester dalam satu kenyataan Khamis.

Beliau berkata para tetamu dengan tempahan di Tune Hotel KLIA-LCCT akan secara automatik dipindahkan ke Tune Hotel klia2 pada 9 Mei.

"Tune Hotel KLIA-LCCT akan beroperasi sehingga 8 Mei dan bagi semua tempahan dengan tarikh penginapan sehingga 8 Mei, para tetamu akan kekal menginap di Tune Hotel KLIA-LCCT sekarang," katanya.

Lankester berkata bagi memudahkan pemindahan, para tetamu hotel akan disediakan kemudahan percuma ke bangunan terminal klia2 dan Tune Hotel klia2 pada 9 Mei.

Bagi tetamu dengan tempahan pada 9 Mei dan selepasnya, daftar masuk adalah di Tune Hotel klia2.

Semua tetamu hotel akan dimaklumkan menerusi emel. Mereka juga boleh menghubungi Customer Care Team dengan menghantar emel kepada enquiry@tunehotels.com atau menghubungi talian 1300 88 8863 (di Malaysia) atau +603 7962 5888 (dari luar negara).

Sempena meraikan pembukaan Tune Hotel klia2, para tetamu akan menikmati kadar terangkum daripada hanya RM98 bagi setiap bilik semalam.

Tempahan boleh dibuat mulai 2 Mei hingga 4 Mei, 2014 bagi penginapan di Tune Hotel klia2 bermula 9 Mei, 2014 hingga 31 Jan, 2015. Tawaran itu adalah eksklusif bagi tempahan dalam talian di www.tunehotels.com dan berasaskan pada siapa cepat dia dapat.

Lapangan terbang tambang rendah baharu itu akan memulakan operasi komersilnya pada 2 Mei manakala AirAsia Group akan memindahkan keseluruhan operasinya di LCCT ke klia2 pada 9 Mei.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1035123>